

UEM Edgenta Dilantik sebagai Rakan Kongsi Pengurusan Kemudahan Bersepadu Strategik untuk Rangkaian Runcit Seluruh Negara Shell

KUALA LUMPUR, 8 Disember – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), sebuah syarikat terkemuka dalam Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur, hari ini mengumumkan bahawa anak syarikatnya, Edgenta GreenTech Sdn Bhd (“EGTSB”), telah dianugerahkan kontrak berbilang tahun yang penting bagi menyediakan perkhidmatan Pengurusan Kemudahan Bersepadu (IFM - *Integrated Facilities Management*) yang komprehensif untuk rangkaian stesen minyak dan runcit milik Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell) di seluruh negara.

Perkongsian strategik ini menjadikan UEM Edgenta sebagai penyedia berpusat tunggal yang bertanggungjawab untuk perancangan, penyelarasan dan pengurusan inklusif bagi semua penyelenggaraan kemudahan, kerja-kerja pembaikan dan projek modal di seluruh rangkaian Shell. Perjanjian ini menandakan peralihan melangkaui penyelenggaraan tradisional, mengutamakan tumpuan strategik pada pengurusan kitaran hayat aset, pengoptimuman operasi dan usaha mencapai kecemerlangan keselamatan.

Berkongsi pendapatnya berkenaan kerjasama ini, Shaiful Subhan, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, mengulas, “Mendapat kontrak perkhidmatan pengurusan kemudahan yang komprehensif ini dengan peneraju tenaga global seperti Shell mengukuhkan kedudukan kepimpinan UEM Edgenta dalam penyelesaian pengurusan aset bersepadu dan dipacu teknologi. Perkongsian ini merupakan bukti kepercayaan yang diberikan terhadap keupayaan kami untuk menyampaikan kecemerlangan operasi pada skala besar, yang didorong oleh komitmen kami terhadap kemampuhan dan integriti data. Kami memberi tumpuan kepada memanfaatkan platform digital proprietari kami untuk mengoptimumkan prestasi aset, memastikan setiap stesen Shell dapat memenuhi janji ‘Welcome to Shell’ sambil menetapkan piawaian industri tertinggi untuk keselamatan dan kebolehpercayaan.”

Teras kepada model penyampaian ini ialah penggunaan platform pengurusan aset proprietari UEM Edgenta, Asseto. Sistem yang boleh disesuaikan ini bertindak sebagai enjin pintar yang memanfaatkan data dipacu AI untuk menjangka kegagalan sebelum ia berlaku. Ciri utama pelaksanaan ini ialah keupayaan aplikasi mudah alih Asseto, yang menyediakan pihak berkepentingan dengan pandangan operasi masa nyata yang dihantar terus ke peranti mudah alih mereka. Ini memastikan pembuat keputusan mempunyai keterlihatan segera terhadap keadaan di tapak, membolehkan tindak balas pantas dan membuat keputusan berpandukan data. Dengan beralih daripada pembaikan reaktif kepada pandangan jauh berpandukan data, sistem ini memastikan integriti di tapak yang konsisten, meminimumkan masa henti untuk perkhidmatan penting dan mengoptimumkan jumlah kos pemilikan untuk Shell.

Perkongsian ini disokong oleh komitmen teguh terhadap kempen ‘Goal Zero’ HSSE Shell, yang menyasarkan sifar bahaya dan sifar insiden. UEM Edgenta menyokong mandat penting ini di lapangan dengan menggunakan sumber yang cekap dan profesional serta kawalan operasi yang

konsisten untuk mengurus risiko secara aktif, memastikan kesinambungan piawaian keselamatan dan memupuk budaya mengutamakan keselamatan yang selaras dengan keperluan global Shell yang ketat di samping menyediakan persekitaran yang lancar dan mesra.

Ir. Vekneswaran T. Arasappan, Ketua Penyelesaian Hartanah & Kemudahan, UEM Edgenta merangkap Pengarah Urusan Edgenta GreenTech Sdn Bhd, menambah, “Dengan menyelaraskan rangka kerja kecemerlangan operasi kami dengan Asseto - sistem Pengurusan Aset ‘Mobiliti Syarikat’ kami yang canggih, dan budaya keselamatan tanpa kompromi, kami bukan sahaja akan mengoptimumkan kitaran hayat dan prestasi aset Shell tetapi juga memastikan persekitaran yang sentiasa selamat dan mesra untuk setiap pelanggan. Kontrak ini menggariskan komitmen kami terhadap pengurusan aset bersepadu dan dipacu teknologi serta peranan kami dalam memperkukuh kedudukan Shell sebagai stesen minyak pilihan, dengan mengutamakan pelanggannya.”

Kerjasama ini merupakan satu peristiwa penting dalam evolusi pengurusan kemudahan dalam sektor peruncitan tenaga. Sebagai syarikat pengurusan aset terbesar di negara ini, UEM Edgenta berada pada kedudukan yang unik untuk menyokong matlamat operasi Shell melalui perkongsian yang didayakan teknologi ini. Dengan mengintegrasikan pandangan berasaskan data dengan komitmen yang teguh terhadap keselamatan dan kemampuan, perjanjian ini bukan sahaja mengoptimumkan prestasi aset Shell tetapi juga mentakrifkan semula piawaian untuk penyampaian perkhidmatan merentasi industri, memastikan nilai jangka panjang untuk pihak berkepentingan dan pelanggan.

Untuk maklumat lanjut mengenai UEM Edgenta dan perniagaannya, layari lama sesawang rasmi di <https://www.uemedgenta.com>.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE:EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.